



**KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
(PERDA)**

TARIKH/ MASA:

20 MAC 2024 (RABU)

9 RAMADAN 1445H

8.00 MALAM

TEMPAT:

**MASJID JAMEK AL AMIN SIMPANG TIGA,
NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah. bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmatnya, maka, dapat kita bersama di dalam Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.
2. Majlis ini amat bermakna kerana inilah manifestasi kegigihan kita semua di dalam menyantuni dan menunjukkan kepedulian kepada golongan yang kurang bernasib baik selaras dengan terapan nilai ihsan bagi menjayakan agenda Malaysia Madani.
3. Pastinya, majlis ini lebih bermakna dengan kehadiran YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow yang sudi meluangkan masa bersama-sama meraikan majlis pada petang ini. Terima kasih saya ucapkan kepada YAB

Tuan Chow Kon Yeow. Mari kita berikan tepukan kepada beliau.

4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA yang telah memainkan peranan selaku urusetia dalam menganjurkan program ini.
5. Begitu juga kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Al Amin serta anak-anak khariah yang sanggup memberikan ruang masjid mereka untuk digunakan sebagai tapak Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN 1445H

6. Ini merupakan siri jelajah Santunan Kasih Ramadan yang kelima saya hadiri. Sebelum ini saya telah berkesempatan bersama masyarakat luar bandar di Negeri Johor, Kelantan dan Terengganu dan semalam di Felda Trolak, Perak.
7. Majlis ini dianjurkan untuk memberi ruang kepada Kementerian dan agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di setiap negeri bagi merapatkan silaturahim bersama warga setempat serta

bertukar-tukar pandangan di samping kita menikmati hidangan juadah berbuka puasa bersama-sama.

8. Saya juga berharap, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai sebuah masyarakat Malaysia MADANI.

MENGHIDUPKAN RAMADAN (IHYA' RAMADAN)

Hadirin sekalian,

9. Seperti yang kita semua sedia maklum, berpuasa di bulan Ramadan merupakan Rukun Islam yang ketiga. Selain daripada menahan lapar dan dahaga di siang hari, berpuasa turut mengajar kita erti kesabaran, ketabahan dan selalu mensyukuri nikmat yang diperolehi.
10. Oleh itu, sebagaimana bulan Ramadan pada tahun sebelumnya, umat Islam khususnya institusi masjid dan surau akan mengadakan pelbagai program untuk meraikan kedatangan bulan Ramadan yang dinamakan Ihya'

Ramadan. Ihya' Ramadan membawa maksud "menghidupkan Ramadan" yang akan berlangsung sepanjang bulan Ramadan. Objektifnya adalah untuk menggalakkan umat Islam supaya merebut peluang untuk mempertingkatkan amal ibadat sepanjang bulan Ramadan secara istiqamah dan berdisiplin.

11. Selari dengan matlamat ini, saya ingin mengajak saudara dan saudari semua agar kita bersama-sama menyempurnakan tahap keimanan dan meningkatkan ketaqwaan dengan melakukan nilai tambah yang antara lainnya seperti memperbanyakkan sedekah, melakukan solat sunat Tarawih dan bertadurus Al-Quran.

MENYANTUNI GOLONGAN MUSTAD'AFIIN

12. Apa yang paling penting, pada bulan yang mulia ini janganlah kita lupakan amalan menyantuni golongan Mustad'afiin yang terdiri dari mereka yang miskin, anak yatim dan golongan yang berkeperluan kepada sumbangan kita.
13. Saya difahamkan di hadapan saya ini terdapat seramai 200 orang penerima bantuan dari kawasan ini yang terdiri dari golongan yang saya sebutkan tadi untuk disantuni di majlis

ini. Bantuan Ramadan berjumlah RM20,000 turut disediakan untuk diagihkan kepada mereka yang terdiri daripada 50 asnaf, 50 anak yatim, dan 100 orang pelajar tahfiz bagi memberi keceriaan kepada para penerima dalam menjalani ibadah sepanjang bulan Ramadan ini.

14. Sesungguhnya bulan Ramadan juga mengajar kita erti bersyukur dengan segala nikmat yang kita perolehi ini. Apatah lagi untuk kita berkongsi nikmat tersebut dengan mereka yang memerlukan. Semoga rasa kesyukuran itu dapat meningkatkan lagi ketaqwaan kita terhadap Allah SWT.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KKDW

Hadirin sekalian,

15. Ingin saya nyatakan di sini bahawa KKDW sentiasa peka dan prihatin kepada masyarakat desa selaras dengan matlamatnya bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan dalam pelbagai aspek sama ada dari segi infrastruktur, sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran, selari dengan matlamat Malaysia MADANI yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri dalam memacu hala tuju negara kita pada hari ini.

16. Pada tahun ini KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion dengan pecahan RM4.12 bilion yang merupakan Peruntukan Mengurus dan RM7.44 bilion untuk Peruntukan Pembangunan. Peruntukan pada tahun ini adalah 4.7 peratus atau RM513.8 juta lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2023.
17. Justeru, melalui peruntukan tersebut, Kementerian ini telah meluluskan dua (2) projek Jalan Luar Bandar di Pulau Pinang. **Projek pertama** adalah projek Jalan Baru Dari Bagan Sg. Pinang Ke Kg. Pulau Betong, Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang diluluskan pada tahun 2015 dengan kos RM82.5 juta.
18. Skop projek ini adalah membina jalan sepanjang 10 km beserta 2 buah jambatan. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR Malaysia. Projek ini telah selesai pembinaan pada 8 September 2023 dan menyaksikan wujudnya satu rangkaian jalan baru yang berkualiti dan hanya mengambil masa hanya 10 minit perjalanan berbanding 20 minit sebelum ini bagi menghubungkan kawasan-kawasan yang terlibat.
19. **Projek kedua** pula adalah projek Pembinaan Jalan Menghubungkan Jalan Bukit Panchor Ke Laluan

Persekutuan 1, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Projek ini telah diluluskan pada tahun 2020 dengan kos RM31.8 juta dan skop projek adalah membina jalan sepanjang 1.3km.

20. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR Malaysia. Projek ini sedang dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan fizikal mendahului jadual di tapak adalah 56.25% dan dijangka siap pada Februari 2025.
21. Saya berharap dengan wujudnya prasaranan ini, ianya dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat serta mengurangkan isu keselamatan akibat jalan sempit dan beban trafik yang meningkat di kawasan berkenaan.

KEJAYAAN PERDA DALAM PEMBANGUNAN DESA

22. Pada kesempatan ini juga, saya ingin memberikan penghargaan kepada PERDA sebuah agensi di bawah Kementerian saya yang tidak lagi asing kepada penduduk di sini, dengan menyentuh sedikit mengenai PERDA, yang kini telah hampir 40 tahun beroperasi di Pulau Pinang.
23. Sejak penubuhannya, PERDA telah menyediakan prasarana sebanyak 12,780 rumah mampu milik di negeri

Pulau Pinang kepada kumpulan sasar iaitu golongan yang tinggal di luar bandar dan berpendapatan rendah.

24. Untuk tahun 2024, PERDA telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM52 juta daripada KKDW untuk pelaksanaan sebanyak 22 program atau projek baharu.
25. Susulan itu, tahun ini PERDA telah mula membangunkan Fasa 2 dan 3 Taman Sungai Bakap Perdana yang melibatkan pembangunan rumah teres 1 tingkat yang berjumlah 105 unit. Ia dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun hadapan dengan peruntukan RM4.7 juta.
26. Bagi membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar, sebanyak 367 unit premis perniagaan untuk disewa oleh usahawan bagi menjalankan aktiviti perniagaan telah dibangunkan oleh PERDA.
27. Di dalam kawasan ini juga tepatnya di Sungai Aceh, sebuah kompleks premis perniagaan dengan jumlah 10 unit gerai lengkap dengan kemudahan sedang dibangunkan yang bakal ditawarkan kepada usahawan luar bandar untuk di sewa. Kompleks ini dijangka siap pada penghujung tahun ini.

28. Bagi saya ini merupakan sikap yang serius agensi ini dalam menjayakan aktiviti yang berkait Pembangunan Ekonomi masyarakat di dalam kawasan operasinya. Saya dimaklumkan seramai 23,960 usahawan atau syarikat yang telah dibantu dan dibimbing oleh PERDA sejak ia ditubuhkan.
29. Kesyntambungan dari kesungguhan ini, PERDA juga telah berjaya membangunkan Kompleks PERDA Halal Park di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara yang kini diperluaskan lagi dengan pembinaan 22 unit kilang baharu bermula tahun lalu.
30. PERDA juga berjaya membangunkan Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) yang telah melatih seramai 19,801 pelajar dalam pelbagai bidang kemahiran di peringkat sijil dan diploma.
31. Tahniah saya ucapkan kepada PERDA di atas segala inisiatif dan kejayaan yang telah dicapai sepanjang tempoh 40 tahun penubuhannya. Insha-Allah, saya akan terus memastikan PERDA terus mempergiatkan pelbagai lagi usaha dan inisiatif untuk manfaat rakyat Negeri Pulau Pinang keseluruhannya.

WATIKAH PELANTIKAN KETUA KOMUNITI DESA MADANI

Hadirin sekalian,

32. KKDW juga dipertanggungjawabkan dengan portfolio luar bandar yang merangkumi lebih dari 70 peratus keluasan wilayah negara. Ianya melibatkan kawasan urus tadbir dan tatakelola yang luas, pastinya memerlukan kepada kecekapan dan kemampuan pemimpin di peringkat terkecil iaitu di kampung atau desa untuk menyalurkan maklumat dan permohonan untuk sebarang kemajuan di kawasan masing-masing kepada Kementerian.
33. Sepertimana yang telah direncanakan pada majlis ini, sebahagian tuan-tuan yang hadir dan berada di hadapan saya ini akan menerima watikah pelantikan Pengerusi Komuniti Desa Madani bagi sebahagian jumlah desa yang terdapat di Pulau Pinang sebentar lagi.
34. Ternyata, kaedah dan pelaksanaannya kini telah jauh berbeza. Untuk memastikan keberkesanan sebanyak 375 institusi Komuniti Desa Madani di Pulau Pinang, Kerajaan melalui KKDW telah menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM 6,937,500.00 yang merangkumi pemberian insentif tadbir urus dan elaun Komuniti Desa Madani.

35. Pelantikan Pengerusi Komuniti Desa Madani juga ini telah ditambah baik dengan memastikan mereka yang dilantik adalah layak dan berkebolehan untuk mengurus tadbir kampung seterusnya dapat memperkemaskan lagi sistem pentadbiran di peringkat akar umbi.
36. Saya berharap dengan pelantikan ini, saudara semua dapat melaksanakan pentadbiran, pendidikan, kesihatan dan keselamatan dengan lebih cekap serta dapat menguruskan kawasan masing-masing dengan lebih baik, dan membangunkan desa yang lestari.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

37. Menjadi harapan saya, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai sebuah masyarakat Malaysia Madani.

38. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow Tuan kerana telah bersama-sama dengan kita pada petang ini.
39. Terima kasih juga kepada Pengerusi Khariah serta AJK Masjid Al Amin Simpang Tiga, kepada PERDA dan agensi-agensi serta jabatan Kerajaan peringkat negeri dan persekutuan yang telah bersama membantu PERDA menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan KKDW.
40. Juga kepada rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan dan seluruh penduduk Kampung Simpang Tiga, Seberang Perai Selatan yang hadir untuk bersama berbuka puasa dan menjalani ibadah tarawih pada malam ini.
41. Saya mendoakan semoga yang hadir pada petang ini di Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.